
ULANG KAJI : PANTUN DUA KERAT (NASIHAT)

Membaca	**SP 2.1.2**	Membaca secara mekanis pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.

Baca Pantun Dua Kerat (Nasihat) di bawah dengan sebutan dan intonasi yang betul serta nada yang sesuai. Kemudian, tuliskan rangkap yang betul bagi maksud pantun di bawah.

PANTUN DUA KERAT (NASIHAT)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.



Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

(Dipetik daripada antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

	Maksud Pantun	Rangkap
1	Hubungan yang erat antara satu sama lain dalam kehidupan.	
2	Orang yang leka akan ketinggalan dalam hidup.	
3	Orang yang malas berusaha tidak akan memperoleh kejayaan.	
4	Rupa paras tidak menjadi keutamaan asalkan mempunyai tingkah laku yang mulia.	
5	Sikap tolong-menolong dalam melakukan sesuatu pekerjaan.	

LIVEWORKSHEETS

Praktis Berformat PT3

Praktis 1

Baca pantun di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1 Berdasarkan rangkap pertama, apakah jenis nasihat yang disampaikan oleh penyajak kepada masyarakat?
- **A** Kita mestilah gigih berusaha
- **B** Kita mestilah berfikiran positif
- **C** Kita perlulah mempunyai sifat terpuji
- **D** Kita mestilah menjauhi sifat atau sikap buruk

2 Nilai murni yang **tidak** terdapat dalam pantun ini ialah
- **A** baik hati.
- **B** kerajinan.
- **C** keberanian.
- **D** bekerjasama.

3 Berikut ialah imej alam yang terdapat dalam pantun ini, **kecuali**
- **A** lutut.
- **B** emas.
- **C** perak.
- **D** buah sintang.

4 Berdasarkan rangkap keempat *Pantun Dua Kerat (Nasihat)*, apakah perkara-perkara yang perlu kita lakukan?
- **A** Kita hendaklah menanam sifat baik hati dalam diri kita
- **B** Kita perlulah rajin melakukan sesuatu pekerjaan kerana jika kita mempunyai sikap malas, kita tidak akan berjaya
- **C** Kita hendaklah bijak dalam menyelesaikan masalah
- **D** Kita perlulah berdikari apabila berada di tempat lain

5 Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan hidup bekerjasama? KBAT Menilai
- **A** Tidak memerlukan bantuan orang lain
- **B** Pekerjaan dapat dilaksanakan dengan sempurna
- **C** Tidak memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi
- **D** Memupuk sikap tolong-menolong dan bantu-membantu

LIVEWORKSHEETS